

'Tak perlu fasih tapi mesti pelajari bahasa asing'

28 MAR 1990

KUALA LUMPUR 27 Mac — Siswazah Melayu tidak perlu fasih tetapi perlu mempelajari bahasa lain untuk memahami sesuatu pekerjaan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya dalam industri, penguasaan bahasa yang sedikit sudah mencukupi untuk bekerja.

"Tidak fasih tidak jadi masalah. Yang penting ialah minat dan kemahuan untuk mempelajari bahasa lain," katanya sebagai mengulas laporan akhbar mengenai kelemahan siswazah Melayu dalam bahasa Inggeris sebagai punca kegagalan mendapatkan pekerjaan dalam sektor swasta.

Ketika ditemui pemberita selepas merasmikan mesyuarat pertama pelancaran Persatuan Pelabur Taipei di Malaysia, di sini beliau berkata, golongan itu tidak semestinya begitu fasih berbahasa kerana mereka bukannya dikehendaki berunding mengenai sesuatu perjanjian antara kerajaan.

"Walaupun kita hendak orang yang begitu fasih dalam bidang tertentu tetapi untuk bekerja mereka harus belajar sedikit sebanyak untuk memahami kerja mereka.

"Tetapi, kalau mula - mula lagi kata, kerana saya tidak tahu maka saya tidak boleh, kita tidak boleh pergi ke mana pun," kata Perdana Menteri.

Semalam, Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad Dato' Dr. Haji Ani Arope menyatakan kekecewaannya dengan kualiti siswazah, yang menurutnya kurang dalam kemahiran berkomunikasi walaupun dalam bahasa ibunda sendiri.